

04 JUN 1999

Wong-Projek

SASARAN PROJEK SIAP 50 PERATUS AKHIR BULAN INI

KUALA TERENGGANU, 4 Jun (Bernama) -- Kementerian Kewangan menetapkan akhir bulan ini sebagai sasaran bagi semua kementerian menyempurnakan 50 peratus daripada projek mereka.

Timbalan menteri Datuk Wong See Wah berkata mulai dari sekarang, semua kementerian perlu bekerja keras memastikan sasaran itu ditepati bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang diunjurkan mencapai satu peratus pada tahun ini.

"Dalam belanjawan 1999 yang dibentangkan dahulu sejumlah RM65 bilion diperuntukkan, kemudian tambahan RM12 bilion lagi, semata-mata untuk memastikan pemulihan ekonomi berjalan lancar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Persatuan Catur Cina Negeri Terengganu di sini hari ini.

Beliau berkata semua kementerian juga perlu mengikut setiap garis panduan yang telah ditetapkan agar tidak berlaku sebarang kelewatan.

Ini termasuk mengemukakan laporan kemajuan projek masing-masing kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya setiap badan koordinasi di kementerian-kementerian pula perlu mengawasi perjalanan projek bagi memastikan projek yang dirancang pada tahun ini dapat disempurnakan pada akhir tahun nanti.

Wong berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan projek-projek di bawah Kementerian Kewangan dan menjangkakan sebanyak 55 peratus mampu disempurnakan sehingga akhir bulan ini.

"Kerjasama dari semua jabatan-jabatan yang terlibat di bawah kementerian Kewangan amat baik serta mereka mengikut setiap garis panduan yang telah ditetapkan," katanya.

-- BERNAMA

SBS MAI